

# **ANALISIS PIRAMID TERBALIK DAN NILAI BERITA DALAM TERJEMAHAN BERITA DUNIA**

## *AN ANALYSIS OF INVERTED PYRAMID AND NEWS VALUES IN THE TRANSLATION OF GLOBAL NEWS*

**Anis Shahirah Abdul Sukur  
Puteri Roslina Abdul Wahid**  
Jabatan Bahasa Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

### **Abstrak**

Makalah ini meneliti penterjemahan berita dunia yang diterbitkan dalam laman sesawang akhbar *Berita Harian*. Korpus kajian merupakan 14 laporan berita dunia yang terdiri daripada versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Analisis data secara perbandingan dilakukan bagi mengenal pasti perbezaan yang berlaku antara laporan berita sumber dan laporan berita versi terjemahan. Bagi konteks kajian ini, prosedur terjemahan Newmark (1988) diaplikasikan bagi menganalisis penterjemahan berita dunia. Di samping itu, konsep piramid terbalik serta nilai berita yang diutarakan Stovall (2005, 2012) dinilai bagi menganalisis signifikannya terhadap penterjemahan berita dunia. Dapatan kajian membuktikan bahawa dua konsep penulisan berita berkenaan sebenarnya mempengaruhi penterjemahan berita dunia. Selain itu, makalah ini juga memberikan implikasi bahawa aspek bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu turut mempengaruhi penterjemahan berita dunia. Berdasarkan dapatan analisis data, cadangan penyelesaian juga diutarakan bagi usaha pemurnian terjemahan berita dunia di Malaysia.

**Kata kunci:** prosedur terjemahan, berita dunia, piramid terbalik, nilai berita, bahasa Melayu.

### ***Abstract***

*This article examines the translation of global news published by Berita Harian online website. The research corpora consists of 14 global news reports, which includes the Malay and English versions. Comparative*

*data analysis is done to identify the difference between both source and translated news reports. In this research paper, Newmark's (1988) point of view regarding translation procedures is utilized to analyse the translation of global news. In addition, this study employed the concept of inverted pyramid and news values as proposed by Stovall's (2005, 2012) in order to scrutinize their significance in the news translation process. Finding indicates that both concepts influenced global news translation process. Moreover, this research paper implicates that the target language, Malay language, is also affecting the translation process. Based from data analysis, researchers also provide an overview of the relevant solutions to demonstrate how these findings can be utilized to improve the translation of global news in Malaysia.*

**Keywords:** *translation procedure, global news, inverted pyramid, news values, Malay language.*

## **Pengenalan**

Berita merupakan bahan penyiaran yang penting dan sering mencuri tumpuan apabila berlaku peristiwa yang menggemparkan seperti bencana alam, pergolakan politik, rusuhan kaum, dan sebagainya. Peristiwa-peristiwa berita berkenaan sememangnya mendapat permintaan daripada penduduk di seluruh dunia. Keadaan ini selaras dengan pandangan Noor Bathi (2002), iaitu berita dianggap sebagai sumber maklumat. Berita menembusi Malaysia melalui pelbagai cara dan salah satu cara tersebut adalah menerusi agensi berita. Mohd Safar (1991) menyatakan bahawa agensi berita merupakan agensi yang membekalkan berita kepada sesebuah syarikat akhbar, organisasi, individu dan sebagainya. Agensi berita antarabangsa utama yang membekalkan berita antarabangsa ialah *Reuters* yang juga merupakan agensi berita antarabangsa tertua yang memberi perkhidmatan di Malaysia. Agensi berita antarabangsa yang lain ialah *United Press-International* (UPI), *Associated Press* (AP) dan *Agence France-Presse* (AFP). Agensi berkenaan turut dikenali sebagai agensi terbesar dunia atau '*the Big Four*'. Selain bergantung kepada bahan-bahan berita daripada agensi berita antarabangsa, Malaysia juga mempunyai agensi berita sendiri, iaitu Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

Rata-rata berita dari seluruh dunia perlu melalui proses terjemahan sebelum disampaikan kepada audiens sasaran. Rokiah (2000) juga menyatakan bahawa keperluan untuk menyebarkan peristiwa yang

berlaku di seluruh dunia telah menyebabkan kegiatan penterjemahan memainkan peranan penting dalam penulisan berita. Selain itu, amalan penterjemahan turut dipraktikkan dalam proses penyebaran berita disebabkan faktor-faktor seperti berita sumber yang ditulis dalam pelbagai bahasa, kebergantungan saluran media di Malaysia kepada agensi berita antarabangsa bagi memperoleh berita luar negara, medium berita sasaran yang menggunakan pelbagai jenis bahasa sebagai bahasa pengantara, wujudnya permintaan, dan perkembangan teknologi. Kelima-lima faktor yang disenaraikan merupakan antara faktor pemangkin yang menjadi pendorong ke arah kelangsungan kegiatan penterjemahan berita di Malaysia.

### **Sorotan Kajian Lampau**

De Maeseneer (1986) mengulas berkaitan isu terjemahan dalam konteks berita radio. Dalam penulisan bukunya yang bertajuk *Inilah Berita. Manual Berita Radio*, De Maeseneer (1986) menyatakan bahawa penterjemahan berlaku dalam berita radio kerana rata-rata skrip berita luar negara ditulis dalam bahasa Inggeris. De Maeseneer juga menyenaraikan dua permasalahan yang sering dihadapi oleh penterjemah berita radio. Pertama, isu terjemahan dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain. Masalah ini dihadapi oleh penterjemah disebabkan penterjemahan dua bahasa yang berbeza melibatkan faktor linguistik, budaya, dan tatabahasa yang berbeza. Kedua, proses menulis semula atau menterjemah berita ke dalam stail berita radio. Radio mempunyai ciri-ciri dan konvensi yang tersendiri, maka penterjemah berita radio perlu mempertimbangkan faktor prinsip penulisan dan konvensi berita radio.

Vourinen (1997) memfokuskan isu *gatekeeping* dalam penulisannya yang berkisar isu penterjemahan berita. Isu yang dibangkitkan oleh Vourinen adalah sama ada istilah 'terjemahan' sesuai digunakan bagi merujuk pemprosesan berita luar negara. Sesuatu teks berita melalui pelbagai proses penapisan seperti penambahan maklumat, pengguguran maklumat, penyusunan semula perenggan berita, penggantian maklumat, dan sebagainya. Kepelbagaian ini menimbulkan persoalan sama ada istilah 'terjemahan' relevan digunakan jika pemprosesan berita luar negara melibatkan perubahan bentuk dan kandungan teks sumber. Vourinen (1997) memberikan contoh bahawa terdapat wartawan yang menganggap kerja-kerja terjemahan yang dilakukan sebagai kerja 'penyuntingan' atau 'penghasilan berita

tempatan berdasarkan bahan-bahan berita luar negara' sahaja. Walau bagaimanapun, Vourinen mengutarakan cadangan agar operasi penapisan dianggap sebagai sebahagian daripada operasi tekstual yang dijalankan dalam proses penterjemahan berita.

Isu terjemahan berita juga diulas dari perspektif pendekatan fungsian. Reiss & Vermeer (1984) dalam Nord (1997:29) menyentuh secara umum isu penterjemahan petikan langsung (*direct quotation*) dalam laporan akhbar. Reiss & Vermeer (1984) sekadar mencadangkan agar pendekatan terjemahan literal diaplikasikan bagi menterjemahkan petikan langsung. Pandangan kedua-dua sarjana berkenaan diperjelaskan oleh Nord (1997) yang memperincikan terjemahan literal sebagai satu daripada bentuk terjemahan di bawah terjemahan dokumentari. Melalui aplikasi terjemahan ini, penterjemah akan menghasilkan semula bentuk teks sumber dengan mengambil kira norma bahasa sasaran. Terjemahan literal yang dicadangkan Nord bertujuan untuk menghasilkan perkataan sumber dengan mengadaptasi struktur sintaksis dan penggunaan tatabahasa secara idiomatik mengikut norma bahasa sasaran.

Gambier (2006) mengutarakan isu transformasi dalam kajian penterjemahan berita. Gambier (2006) menyatakan bahawa rata-rata kajian sering meneliti aspek bahasa verbal tanpa mengambil kira faktor bukan verbal (saiz fon, gambar, tipografi, warna dan sebagainya). Walau bagaimanapun, perkembangan akhbar dalam talian dinyatakan oleh Gambier (2006) sebagai faktor penggerak ke arah evolusi wacana atau ideologi bagi versi dalam talian. Semestinya perkembangan dan penggunaan akhbar dalam talian telah menukar amalan dan juga literasi media. Kewartawanan berita dalam talian juga mempunyai kesan yang mendalam terhadap penterjemahan berita dunia. Melalui pertukaran proses penterjemahan berita, dari bercetak kepada dalam talian, kewartawanan dalam talian juga menukar bahasa penulisan berita akhbar.

Stetting (1989) dalam Bielsa & Bassnett (2009) mencadangkan agar konsep *transediting* (*translation + editing*) digunakan sebagai satu istilah yang menjelaskan pertindihan di antara kerja-kerja terjemahan dan juga penyuntingan dalam pemprosesan berita. Istilah *transediting* yang digunakan seolah-olah memberikan pemberatan yang sama banyak bagi kerja-kerja terjemahan dan juga penyuntingan, sekaligus menyanggah pandangan bahawa kerja-kerja penterjemahan berita dunia merupakan satu kerja penyuntingan semata-mata. Situasi yang digariskan Vourinen (1997) dan Stetting (1989) membuktikan bahawa

masih wujud kesamaran berkaitan peranan dan impak terjemahan dalam pemprosesan berita dunia.

Bielsa & Bassnet (2009) pula mengetengahkan isu penterjemahan berita dunia dalam agensi berita. Perkaitan di antara terjemahan berita dan agensi berita diulas dalam buku hasil penulisan mereka yang bertajuk *Translation in Global News*. Bielsa & Bassnet (2009) misalnya menyenaraikan lima perubahan kepada teks sumber yang perlu dilakukan oleh penterjemah berita. Pertama, mengubah tajuk berita. Tajuk berita diganti dengan tajuk baru bagi menepati keperluan pembaca sasaran atau kehendak sesebuah agensi berita. Kedua, menggugurkan maklumat yang tidak diperlukan. Maklumat boleh menjadi lewah disebabkan pembaca sasaran telah mengetahuinya. Ketiga, menambah maklumat latar belakang. Apabila pembaca sasaran bagi sesuatu berita berubah, wujud kepentingan untuk menambah maklumat latar belakang. Keempat, menukar kedudukan perenggan. Kesesuaian maklumat dalam konteks yang baharu dan gaya penerbitan sesebuah agensi berita menimbulkan keperluan untuk mengubah susunan perenggan. Kelima, merumuskan maklumat. Kaedah ini digunakan untuk memuatkan teks sumber ke dalam ruang yang diperuntukkan dan mengurangkan panjang perenggan berita yang tidak relevan kepada pembaca sasaran.

Sarjana tempatan juga tidak terkecuali dalam membincangkan isu berita. Asmah (1987) misalnya mengulas isu laporan berita dari aspek bahasa. Penulisan beliau membicarakan cara atau kaedah yang digunakan wartawan dalam memaparkan sesuatu peristiwa atau kejadian untuk pengetahuan orang ramai. Antara isu-isu utama yang dibincangkan Asmah (1987) adalah struktur laporan akhbar, bahasa laporan akhbar, penyingkatan dan bahasa tajuk berita. Tambahan pula, penggunaan frasa dan klausa-klausa tertentu yang sinonim bagi berita, aplikasi proses penghilangan dan penyingkatan, teknik cakap ajuk dan cakap pindah, dan retorik pada tajuk berita yang dihuraikan oleh Asmah (1987) jelas menunjukkan bahawa penulisan berita akhbar sebenarnya mempunyai gaya bahasa dan laras yang tersendiri. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa akhbar merupakan media yang mempunyai laras dan gaya bahasa.

Kajian yang dilakukan Rokiah (2000) berkisar kepada penterjemahan berita dunia dalam akhbar-akhbar Melayu. Kajian ini menumpukan kepada faktor linguistik serta faktor bukan linguistik yang mempengaruhi strategi terjemahan berita dunia. Tesis yang bertajuk *The Translation Of English News Into Malay In The Malay Newspaper Of*

*Malaysia* ini mengetengahkan Teori Skopos oleh Vermeer (1989). Rokiah dalam kajiannya berjaya menunjukkan bahawa aplikasi Teori Skopos menawarkan penjelasan bagi perubahan-perubahan yang berlaku dalam teks terjemahan berita. Rokiah (2000) menyatakan bahawa perubahan seperti penterjemahan kata ganti nama, sistem ukuran, tarikh dan sebagainya bagi memenuhi konvensi budaya turut diulas dalam pendekatan terjemahan oleh beberapa sarjana terjemahan yang lain. Namun, perbezaan yang ditawarkan oleh Teori Skopos adalah dari aspek pembaca sasaran. Melalui aplikasi Teori berkenaan, perubahan major seperti menstrukturkan maklumat bagi memenuhi keperluan pembaca sasaran adalah dibenarkan.

Abdul Majeed (2002) juga mengkaji isu penterjemahan berita dalam akhbar di *Malaysia*. Namun, tesis yang bertajuk *Terjemahan Berita Sukan Golf dalam Berita Harian Malaysia* ini memfokuskan bidang sukan. Kajian berkenaan menggabungkan pendekatan media, melalui aplikasi falsafah penyuntingan serta pendekatan terjemahan. Kajian yang dilakukan oleh beliau meneliti kesan atau pengaruh proses penyuntingan terhadap kualiti terjemahan berita sukan. Beberapa prosedur seperti pengguguran, penggantian, generalisasi, dan sebagainya diulas dalam kajian ini. Aspek terjemahan pula diulas dari konteks kesan terjemahan terhadap makna. Kesan terjemahan berkenaan diukur dari aspek terjemahan melampau, terjemahan kurang, terjemahan taksa, dan terjemahan salah.

Isu berita turut diulas dalam tesis Kanmani (2007) yang bertajuk *Penterjemahan Berita di Televisyen: Kaedah dan Peranan Penterjemah*. Aspek istilah dikenal pasti oleh Kanmani (2007) sebagai permasalahan dalam penulisan berita. Masalah peristilahan dianggap sebagai kekangan yang dihadapi wartawan bagi menulis berita dalam bahasa Melayu. Kekurangan istilah yang tepat atau terminologi dalam bahasa Melayu juga dinyatakan mampu menjejaskan maksud asal teks sumber yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Kanmani (2007) turut menambah bahawa kekangan ruang yang terhad pula menyebabkan penyalahgunaan bahasa atau terjemahan yang salah. Selain itu, faktor kekangan ruang juga menyebabkan sesuatu berita dibiarkan tergantung atau disambung di ruangan lain. Situasi ini kebiasaannya berlaku dalam ruangan tajuk utama. Faktor ruang yang terhad juga menyebabkan penyunting terpaksa menggunakan terminologi atau istilah yang memberi makna yang hampir sama atau menggunakan *coining word*, iaitu perkataan yang diwujudkan bersama.

Kajian yang dilakukan Lee (2011) pula meninjau penggunaan item leksikal berelemen gender dalam laporan berita. Medium kajian yang digunakan ialah berita *Bernama.com* dan pasangan bahasa yang dikaji ialah bahasa Inggeris ke dalam bahasa Mandarin. Analisis dijalankan bagi meninjau pengaruh penggunaan item leksikal berelemen gender dalam arah pemberitaan, serta impak yang dihasilkan terhadap laporan yang melibatkan isu wanita. Dapatan kajian berkenaan menunjukkan bahawa terdapat penggunaan kata ganti nama generik 'he' yang digunakan untuk mewakili kedua-dua gender dan penggunaan kata penerang 'wanita' hadir dalam laporan yang tidak bersifat gender sensitif. Kecenderungan pemilihan kata sebegini secara tidak langsung menggalakkan penggunaan item leksikal yang menggambarkan pengekalan konsep patriarki dalam media.

Berdasarkan huraian di bahagian sorotan kajian lampau, dapat dirumuskan bahawa isu penterjemahan berita boleh dikaji berdasarkan medium berita, misalnya akhbar bercetak, akhbar dalam talian, radio, televisyen dan agensi berita. Rata-rata sarjana juga mengkaji penterjemahan berita dari skop kajian yang pelbagai, iaitu aspek laras bahasa, pengaruh konvensi medium berita terhadap penterjemahan berita, penterjemahan petikan, penterjemahan unsur gender, penterjemahan teks bidang sukan, peranan penterjemah berita, faktor linguistik serta bukan linguistik yang mempengaruhi strategi penterjemahan berita, isu penapisan, penyuntingan dan peristilahan dalam penterjemahan. Oleh itu, dapat diperihalkan bahawa setiap satu daripada kajian berkenaan memberikan sumbangan dalam memantapkan kajian penterjemahan berita. Walau bagaimanapun, masih kurang kajian yang dijalankan berkaitan penterjemahan ruangan berita dunia bagi akhbar dalam talian di Malaysia. Selaku media baru, semestinya pelbagai isu menarik dari aspek penterjemahan dan juga aspek bahasa Melayu yang dapat diterokai.

## **Kerangka Pendekatan**

Penterjemahan berita dunia tidak akan lengkap jika dikaji dari perspektif bidang terjemahan sahaja. Hal ini disebabkan pandangan daripada perspektif bidang terjemahan sahaja akan menyebabkan kajian yang dilakukan tidak mempunyai nilai signifikan terhadap permasalahan sebenar dalam konteks industri media kewartawanan di Malaysia. Gabungan pandangan daripada Newmark (1988) dan Stovall (2005, 2012) diperlukan untuk menganalisis penterjemahan berita dunia secara

sistematik. Perlu ditekankan bahawa kajian ini melibatkan kajian antara bidang, iaitu bidang media dan bidang terjemahan. Maka input atau pandangan sarjana daripada kedua-dua bidang diperlukan. Selain itu, aspek-aspek media yang diintegrasikan dalam kajian ini juga dapat membantu dalam memperkayakan bidang terjemahan.

### **Prosedur Terjemahan Newmark (1988)**

Newmark (1988) menyatakan bahawa prosedur terjemahan digunakan untuk menterjemah ayat dan unit bahasa yang lebih kecil seperti klausa dan perkataan. Newmark (1988) juga mengutarakan beberapa prosedur yang boleh diaplikasikan untuk menterjemah ayat dan unit bahasa yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, hanya lima prosedur Newmark yang diaplikasikan dalam makalah ini bagi memperlihatkan perkaitan antara prosedur terjemahan dan elemen berita, iaitu nilai berita dan piramid terbalik.

#### **a) Peminjaman**

Newmark (1988) mendefinisikan peminjaman sebagai proses memindahkan perkataan teks sumber ke dalam teks sasaran sebagai prosedur terjemahan. Perkataan tersebut dikenal sebagai perkataan pinjaman disebabkan bentuk asal perkataan dikekalkan dalam bahasa sasaran. Kebiasaannya prosedur ini digunakan bagi menterjemahkan perkataan yang tiada padanan dalam bahasa sasaran seperti nama tempat, nama jalan, nama penyakit, judul akhbar, buku, lakonan, dan filem.

#### **b) Naturalisasi**

Newmark (1988) menyatakan bahawa prosedur naturalisasi merupakan prosedur yang memindahkan serta menyesuaikan perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Penyesuaian ini melibatkan sebutan dan diikuti dengan penyesuaian morfologi.

#### **c) Parafrasa**

Newmark (1988) menjelaskan bahawa parafrasa merupakan peluasan atau penjelasan makna bagi bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Prosedur ini digunakan dalam penulisan teks yang lemah, iaitu apabila terdapat bahagian-bahagian tertentu dalam teks yang mempunyai



implikasi yang penting dan juga bahagian-bahagian tertentu dalam teks yang perlu digugurkan.

#### **d) Penambahan**


Newmark (1988) menyatakan bahawa prosedur penambahan digunakan untuk menterjemah teks yang penulisannya lemah. Prosedur penambahan juga boleh dilakukan untuk memperbaiki struktur ayat teks terjemahan dan menjadikan ayat lebih jelas.

#### **e) Pengguguran**

Newmark (1988) memperihalkan bahawa prosedur pengguguran digunakan untuk menterjemah teks yang penulisannya lemah. Kebiasaannya penterjemah akan menggugurkan perkataan yang kabur, ayat yang tidak mempunyai impak yang mendalam kepada pembaca sasaran atau terlalu panjang.

### **Piramid Terbalik Stovall (2012)**

Setelah wartawan mengumpulkan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi memulakan penulisan berita, langkah seterusnya yang perlu dilakukan ialah menentukan struktur berita. Tujuan penulisan berita secara berstruktur adalah bagi memastikan pembaca mendapat maklumat secara tersusun dan pantas, serta memudahkan penyunting mengenal pasti perenggan yang kurang penting sewaktu proses penyuntingan berita (Stovall, 2012). Struktur penulisan berita yang sering digunakan digelar sebagai piramid terbalik (*inverted pyramid*). Menerusi penulisan piramid terbalik, maklumat paling penting ditulis dahulu dan diikuti dengan maklumat-maklumat yang kurang penting, misalnya dalam Rajah 1 berikut:



**Rajah 1:** Struktur penulisan piramid terbalik.  
Diubah suai daripada Stovall (2012).


Elemen 5W1H merupakan persoalan yang seringkali dijawab dalam perenggan utama berita. Persoalan seperti siapa (*who*), apa (*what*), bila (*when*), di mana (*where*), kenapa (*why*) dan bagaimana (*how*) merupakan kata kunci bagi penulisan berita (Stovall, 2005). Persoalan asas tersebut turut dipersetujui Rich (1997) yang menyatakan bahawa apabila bilangan pembaca berita semakin berkurangan, penyunting berita memerlukan jawapan bagi satu lagi persoalan, iaitu *so what*. Persoalan keenam berkenaan mampu memberikan maklumat yang lebih mendalam dan kritis dalam laporan berita berbanding sekadar menyenaraikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan persoalan 5W1H. Persoalan keenam berkenaan juga mampu menjawab persoalan-persoalan seperti: Sejauh mana berita-berita yang disiarkan relevan kepada pembaca sasaran? Sejauh mana maklumat-maklumat dalam berita berkenaan perlu diberikan perhatian oleh pembaca sasaran?

### **Nilai Berita Stovall (2005)**

Stovall (2005) menyatakan bahawa nilai-nilai berita merupakan konsep-konsep penting yang menentukan apa-apa yang 'diminati' atau 'perlu diminati' oleh pembaca. Dalam erti kata lain, nilai-nilai berita berfungsi untuk membezakan perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai 'berita' dan 'bukan berita'. Tujuh kategori nilai berita yang disenaraikan oleh Stovall adalah seperti berikut:

- Kesan (*Impact*). Setiap peristiwa yang berlaku sama ada peristiwa kecil atau besar memberi kesan kepada individu yang terlibat atau persekitarannya. Peristiwa tersebut mungkin hanya mempengaruhi beberapa individu sahaja atau memberi kesan terhadap masyarakat di seluruh dunia.
- Masa (*Timeliness*). Masa merupakan nilai berita yang perlu ada bagi kesemua kisah berita dan kebiasaannya merujuk kepada peristiwa yang baru berlaku. Tanpa elemen masa, sesuatu peristiwa yang berlaku tidak boleh dianggap sebagai berita.
- Terkenal (*Prominence*). Perbuatan golongan-golongan tertentu, misalnya artis dan ahli politik boleh dijadikan bahan berita. Walaupun tindakan yang dilakukan merupakan perkara remeh, status individu yang masyhur menjanjikan bahan berita.
- Jarak (*Proximity*). Peristiwa yang berlaku berhampiran dengan kediaman pembaca sasaran lebih sesuai dijadikan bahan berita berbanding peristiwa sama yang berlaku di tempat lain. Kebiasaannya pembaca lebih berminat dengan peristiwa yang berlaku di sekeliling pembaca.
- Konflik (*Conflict*). Apabila berlaku pergaduhan, pertentangan pendapat dan tiada persefahaman, maka ia merupakan sumber berita. Konflik merupakan salah satu daripada nilai berita yang menjadi kegemaran wartawan kerana kebiasaannya konflik menjanjikan bahan berita yang menarik untuk ditulis.
- Peristiwa yang pelik (*Bizarre*). Peristiwa yang jarang berlaku dianggap sebagai mempunyai nilai berita. Peristiwa yang pelik mampu menarik minat pembaca dan menghidupkan sesuatu penerbitan berita, walaupun peristiwa tersebut hanya mempunyai sedikit kepentingan atau melibatkan individu yang tidak dikenali.
- Terkini (*Currency*). Peristiwa yang mempunyai kepentingan terkini mempunyai nilai berita. Sesuatu peristiwa yang berlaku melebihi tempoh satu hingga satu setengah hari dianggap sebagai bukan berita.

Tujuh nilai berita yang dinyatakan Stovall (2005) boleh dianggap sebagai kayu ukur dalam menentukan peristiwa atau isu yang boleh dianggap sebagai berita atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, tidak semestinya ketujuh-tujuh nilai berita berkenaan perlu ada dalam setiap penulisan sesuatu berita dunia. Kebiasaannya, hanya beberapa nilai berita yang wujud dalam penulisan sesuatu teks berita secara umumnya, atau teks berita dunia secara khususnya. Pandangan sarjana Newmark (1988) dan Stovall (2005,2012) telah digabungkan bagi menganalisis data kajian seperti berikut:



**Rajah 2:** Gabungan pendekatan Newmark (1988) dan Stovall (2005, 2012).

## Metodologi

Kajian ini menganalisis teks dengan menggunakan kaedah perbandingan teks. Data teks berita dunia merangkumi komponen tajuk berita, perenggan-perenggan berita, petikan langsung dan petikan tak langsung. Analisis data terdiri daripada dua peringkat. Pertama, kedua-dua teks berita dibandingkan bagi mengenal pasti prosedur terjemahan yang diaplikasikan dalam operasi penterjemahan berita. Kedua, nilai berita dan piramid terbalik juga diteliti sama ada masih dikekalkan dalam laporan berita versi terjemahan. Kedua-dua konsep berkenaan digunakan dalam penulisan berita, maka wajar diteliti sama ada konsep berkenaan masih dikekalkan dalam terjemahan berita dunia. Selain itu, analisis data juga dapat membuktikan aplikasi prosedur terjemahan tertentu mempengaruhi pengekalan atau pengguguran konsep piramid terbalik dan nilai berita dalam penulisan berita dunia.

## Korpus Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu analisis tekstual secara deskriptif untuk menganalisis dan mengupas teks berita dunia. Pasangan bahasa yang dikaji ialah penterjemahan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini memanfaatkan korpus teks berita dalam talian. Data kajian terdiri daripada 14 berita dunia yang dimuat turun daripada laman sesawang bagi tempoh satu minggu, iaitu daripada 3 September 2012 sehingga 9 September 2012. Teks berita sumber diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan diperolehi secara percuma dalam laman sesawang agensi berita seperti *Associated Press (AP)*, *Agence France Presse (AFP)* serta laman sesawang *Yahoo*, *Google* dan sebagainya. Teks berita sasaran pula diperolehi daripada ruangan Dunia dalam laman sesawang *Berita Harian Online*. Teks berita dunia dianggap signifikan dan dipilih sebagai data kajian kerana berita dunia berkait dengan berita luar negara dan kebanyakan laporan berita tersebut merupakan teks terjemahan.

## Analisis Korpus Kajian

Analisis data dimulakan dengan beberapa contoh bagi mewakili keseluruhan data kajian. Perbandingan dilakukan antara berita sumber dan berita sasaran. Perubahan yang berlaku antara kedua-dua teks digariskan dan dijelaskan dalam analisis di bahagian bawah setiap data.

Data 1

<b>Berita Sumber</b>	<b>Berita Sasaran</b>	<b>Prosedur Terjemahan</b>
<i>Bill Clinton told Americans on Wednesday that <u>President Barack Obama</u> had placed them on a path to renewed prosperity and deserved four more years to finish the job. -AFP</i>	<u>Bekas presiden Amerika Syarikat</u> , Bill Clinton, meminta pengundi menaruh kepercayaan kepada Barack Obama untuk membawa mereka menikmati kemakmuran dengan memberi mandat kepada calon presiden Demokrat itu bagi penggal Ke-2. -BH	Penambahan/ Pengguguran

<p><i>He also said a Chinese firm planned to invest \$2 billion to build a steel plant in Cambodia employing about 10,000 people and with the capacity to produce 3 million tonnes of steel a year. <u>He gave no details so it was not possible to verify how far advanced the plans were.</u> -Reuters</i></p>	<p>Beliau juga berkata, firma China bercadang melabur AS\$2 bilion (<u>RM6 bilion</u>) untuk membina loji besi di Kemboja yang menawarkan pekerjaan kira-kira 10,000 orang dan dengan kapasiti mengeluarkan tiga juta tan besi setahun. –BH</p>	<p>Penambahan/ Pengguguran</p>
<p><i><u>Mothers rushed to pull their kids out of school, shopkeepers slammed down their metal gates, and bus drivers radioed one another about streets to avoid after false rumors of shootouts and gunmen traveling in a caravan in a Mexico City suburb began circulating on social networks.</u> - AP</i></p>	<p><u>Khobar angin yang tersebar di rangkaian sosial</u> kononnya berlaku tembak menembak dan sekumpulan lelaki bersenjata menaiki caravan di sebuah pinggir bandar Mexico City mencetuskan panik dikalangan penduduknya semalam. - BH</p>	<p>Parafrasa</p>

Data 1 menunjukkan beberapa perubahan yang berlaku dalam perenggan-perenggan berita dunia. Terdapat maklumat-maklumat yang ditambah, digugurkan, dan diparafrasa. Maklumat berkenaan boleh terdiri daripada satu atau gabungan beberapa perkataan, ayat dan perenggan. Tindakan berkenaan diambil penterjemah bagi menghasilkan berita yang berfungsi mengikut konteks pembaca sasaran. Lazimnya, prosedur penambahan dilakukan bagi memudahkan pemahaman

pembaca sasaran menerusi penambahan maklumat. Prosedur pengguguran pula digunakan bagi menggugurkan maklumat yang tidak penting atau lewah bagi konteks pembaca di Malaysia. Lazimnya perenggan-perenggan akhir dalam berita sumber cenderung untuk digugurkan. Selain itu, prosedur parafrasa juga cenderung untuk dilakukan penterjemah berita dunia. Faktor kekangan masa serta ruangan berita dunia yang terhad mendorong penterjemah untuk meringkaskan maklumat penting dalam beberapa ayat atau perenggan berita sahaja.

Data 2

<b>Perkara</b>	<b>Berita Sumber</b>	<b>Berita Sasaran</b>
Tajuk Berita	<i>Myanmar monks back president's anti-Rohingya plan - AP</i>	Hantar Rohingya ke negara lain – BH
Masa	<i>Friday, Tuesday</i>	semalam, hari ini, minggu lalu
Sistem Mata Wang	<i>\$500 million, 150 million yuan</i>	RM1.5 bilion, RM 72 juta
Akronim	<i>U. N., U. S., JI, Kurdistan Worker's Party (PKK)</i>	Pertubuhan bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Amerika Syarikat (AS), Jamaah Islamiyah (JI), Parti Pekerja Kurdis (PKK)
Nama Jawatan	<i>Secretary of State, President Prime Minister</i>	Setiausaha Negara, Presiden, Perdana Menteri
Perkataan berkonotasi	<i>Islamist militant, terrorist, in the name of jihad</i>	militan, penganas, tidak diterjemahkan

Berdasarkan analisis teks secara perbandingan, terdapat beberapa perbezaan ketara antara berita sumber dan berita sasaran. Perbezaan teknikal berkenaan berlaku disebabkan faktor tempat penerbitan yang berbeza, pembaca sasaran berita yang berbeza, serta format penulisan berita dalam agensi penerbitan yang berbeza. Faktor-faktor berkenaan mendorong ke arah perubahan-perubahan teknikal sewaktu penterjemahan berita dunia, misalnya penterjemah menukar tajuk berita, serta menukar maklumat masa dan sistem mata wang mengikut tempat pembaca sasaran. Perkataan-perkataan khusus seperti

akronim, nama jawatan, nama bangunan, nama tempat dan sebagainya dipinjam ke dalam bahasa Melayu atau diterjemahkan berdasarkan padanan terjemahan yang wujud dalam bahasa Melayu.

Faktor bahasa serumpun atau faktor kedekatan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran juga mempengaruhi pemilihan dan penggunaan bahasa dalam teks berita dunia, misalnya berita dalam bahasa Indonesia berkongsi perkataan-perkataan yang hampir sama dengan bahasa Melayu sekaligus memudahkan penterjemahan berbanding menterjemah daripada bahasa Perancis ke dalam bahasa Melayu. Perlu juga dipertimbangkan bahawa situasi semasa memperlihatkan penguasaan bahasa Inggeris selaku bahasa antarabangsa. Walaupun bahasa Melayu dan bahasa Inggeris tidak bersifat serumpun, bahasa Melayu bersifat dinamik, iaitu kemampuan untuk berkembang menerusi penyerapan kata-kata masukan bahasa asing. Situasi berkenaan semestinya memudahkan penterjemahan berita dunia disebabkan setiap hari rata-rata penterjemah berita dunia terdedah dengan perkataan-perkataan asing dan konsep baharu di seluruh dunia. Selain itu, penterjemah juga wajar peka dengan konotasi yang dibawa oleh perkataan tertentu. Faktor medium akhbar dalam talian membolehkan sesuatu berita merentasi sempadan sesebuah negeri atau negara yang berbeza fahaman politik, budaya dan ideologi. Maka perkataan seperti *terrorist* boleh diterjemahkan sebagai penganas, pejuang agama, militan atau tidak diterjemahkan. Hal ini menuntut penterjemah untuk menguasai makna konotasi bagi sesuatu perkataan, khususnya dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu.

Data 3

<b>Berita Sumber</b>	<b>Berita Sasaran (BH)</b>	<b>Perenggan</b>
<i>Hollywood starlets Eva Longoria, Scarlett Johannson and Kerry Washington took to the convention stage Thursday to try to persuade American voters to re-elect Barack Obama.</i>	Charlotte: Tiga aktres popular Hollywood, Eva Longoria, Scarlett Johannson dan Kerry Washington, turut tidak ketinggalan muncul di atas pentas pada konvensyen Demokrat kelmarin untuk cuba merayu pengundi memilih semula Presiden Barack Obama.	Pertama



<p><i>The trio laid out ordinary early lives far from the bright lights of Hollywood with Longoria using her previous existence as a server at fast-food chain Wendy's to have a dig at Obama's Republican rival Mitt Romney.</i></p>	<p>Ketiga-tiganya meninggalkan kehidupan glamour mereka dengan Longoria menggunakan pengalamannya sebagai pelayan di rangkaian makanan segera Wendy's untuk menyindir pencabar Obama, Mitt Romney. "Eva Longoria pernah bekerja di Wendy's. Beliau membayar cukai. Eva Longoria yang bekerja di set penggambaran tidak perlu berbuat demikian," katanya mendakwa Romney cuma berminat melindungi orang kaya.</p>	<p>Kedua</p>
---	--	--------------

Analisis data menunjukkan bahawa penulisan berita mengikut struktur penulisan piramid terbalik yang diutarakan Stovall (2012) masih dikekalkan oleh penterjemah. Rasional tindakan berkenaan adalah bagi memastikan pembaca mendapat maklumat utama secara tersusun dan pantas, serta memudahkan penyunting mengenal pasti perenggan yang kurang penting sewaktu proses penyuntingan berita. Maklumat 5W1H rata-rata ditulis di bahagian awal teks berita dunia, iaitu di perenggan pertama dan kedua. Berdasarkan Data 3, maklumat-maklumat 5W1H adalah seperti berikut: WHO: *Eva Longoria, Scarlett Johansson and Kerry Washington*; WHEN: *Thursday*; WHERE: *convention stage*; WHAT: *took to the convention stage*; dan WHY: *to persuade American voters to re-elect Barack Obama*; dan HOW: *by comparing Barack Obama and his rival Mitt Romney in their speech*. Maklumat 5W1H berkenaan masih diterjemahkan oleh wartawan ke dalam berita sasaran. Analisis Data 3 juga mendapati bahawa perenggan 10 sehingga 13 dalam berita sumber tidak diterjemahkan ke dalam berita sasaran. Tinjauan pada keseluruhan korpus data juga mendapati bahawa rata-rata berita sumber yang ditulis dalam bahasa Inggeris adalah lebih panjang berbanding berita terjemahan dalam bahasa Melayu. Tindakan

menggugurkan bahagian akhir perenggan berita menerusi aplikasi prosedur pengguguran diambil oleh penyunting bagi menyesuaikan kepanjangan teks berita dengan slot berita dunia akhbar *Berita Harian*, di samping menggugurkan maklumat-maklumat yang tidak berkenaan dengan pembaca sasaran di Malaysia.

Data 4

<b>Berita Sumber</b>	<b>Berita Sasaran</b>	<b>Nilai Berita</b>
<i>Two different terror groups planned to attack the country's parliament in Jakarta and plotted bomb and gunfire attacks on police in the central Java city of Solo, the country's counter-terrorism agency's chief Ansyad Mbai said. - AFP</i>	Dua kumpulan berlainan merancang menyerang parlimen negara itu di Jakarta dan memasang bom serta melakukan serangan senjata terhadap polis di bandaraya Jawa Tengah, Solo, kata ketua agensi anti keganasan negara itu, Asyad Mbai. -BH	Konflik
<i>France's Socialist President Francois Hollande hoped he could keep his love life private and distinguish himself from his showy predecessor Nicolas Sarkozy. But his feisty first lady appears to have dashed those plans. -AFP</i>	Hasrat Presiden Perancis, Francois Hollande untuk tidak mendedahkan kisah cintanya dan membezakan beliau daripada pemimpin sebelum ini, Nicolas Sarkozy, tidak kesampaian gara-gara kerenah kekasihnya yang juga Wanita Pertama.	Terkenal
<i>Kurdish rebels wielding rocket launchers and machine-guns attacked</i>	Sekumpulan pemisah Kurdis bersenjatakan mesingan dan pelancar	Kesan

<p><i>a security base in southeast Turkey, triggering a firefight that left 30 people dead, local officials said Monday.</i> – Daily Times</p>	<p>roket menyerang sebuah kompleks keselamatan di tenggara Turki malam kelmarin, mencetuskan pertempuran menyebabkan sekurang-kurangnya 30 orang terbunuh kata sumber tempatan semalam. - BH</p>	
--	--	--

Analisis data membuktikan bahawa nilai berita masih dikekalkan dalam berita terjemahan. Nilai berita merupakan komponen wajib dalam penulisan sesuatu berita. Pemakalah mendapati bahawa rata-rata berita dunia mengandungi sekurang-kurangnya satu daripada tujuh nilai-nilai berita yang diutarakan Stovall (2005). Data 4 misalnya menunjukkan nilai berita konflik, terkenal dan kesan dikekalkan dalam teks terjemahan berita. Pembaca di Malaysia khususnya berminat untuk mengetahui kisah cinta Presiden Perancis berbanding kisah cinta masyarakat awam yang kurang dikenali. Tinjauan pemakalah pada keseluruhan korpus data juga mendapati bahawa rata-rata perenggan yang mengandungi maklumat nilai berita cenderung untuk diterjemahkan secara literal dan perubahan yang dilakukan bersifat minimum. Selain itu, pengguguran nilai berita juga memungkinkan sesuatu berita terjemahan tidak diterbitkan kerana nilai-nilai berita berfungsi untuk membezakan perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai ‘berita’ dan ‘bukan berita’.

Data 5

<b>Jenis Petikan</b>	<b>Berita Sumber</b>	<b>Teks Sasaran</b>
<p>Petikan Langsung</p>	<p>“The imam was arrested after his deputy Maulvi Zubair and two others told a magistrate he added pages from the Quran</p>	<p>“Imam terbabit ditahan selepas timbalannya, Maulvi Zubair dan dua yang lain memberitahu majistret bahawa dia meletak lebih banyak</p>

	to the burnt pages brought to him by a witness,” police investigator Munir Hussain Jaffri said. - AFP	helaian al-Quran di tempat ia dibakar,” kata penyiasat polis, Munir Hussain Jaffri. - BH
Petikan Tak Langsung	Arrested Indonesian terror suspects have revealed plots on the parliament building and to attack police <u>in the name of jihad</u> , a senior official said <u>Friday</u> . - AFP	Suspek pengganas Indonesia yang ditahan mendedahkan mengenai rancangan untuk menyerang bangunan parlimen dan pihak polis, kata seorang pegawai kanan <u>semalam</u> . – BH

Kebiasaannya ucapan penutur ditulis dalam akhbar melalui penulisan petikan. Terdapat dua jenis petikan dalam penulisan berita, iaitu petikan langsung dan petikan tak langsung. Petikan pertama, iaitu petikan langsung dikenali menerusi penggunaan pembuka dan penutup kata (“...”). Lazimnya, ayat-ayat penutur disalin semula dalam petikan tanpa perubahan. Petikan kedua, iaitu petikan tak langsung merupakan penulisan semula ucapan penutur dalam bentuk parafrasa. Bagi penulisan petikan kategori ini, wartawan tidak terikat dengan perkataan-perkataan yang digunakan oleh penutur, sebaliknya perubahan boleh dilakukan selagi makna ucapan penutur masih dikekalkan. Analisis data menunjukkan bahawa penterjemah cenderung untuk menterjemahkan petikan langsung secara literal, manakala terjemahan petikan tak langsung lebih bersifat bebas. Perbezaan berkenaan berlaku disebabkan penulisan petikan langsung melibatkan perkataan-perkataan penutur yang diletakkan dalam tanda petikan, justeru sebarang kesalahan dalam penulisan wartawan boleh menjatuhkan imej penutur atau menyebabkan syarikat akhbar disaman. Penulisan petikan tak langsung pula membenarkan aplikasi prosedur pengguguran, misalnya maklumat *in the name of jihad* tidak diterjemahkan ke dalam berita sasaran. Perubahan juga berlaku apabila maklumat masa *Friday* diterjemahkan menjadi ‘semalam’ bagi disesuaikan dengan masa penerbitan berita dunia di Malaysia.

## **Perbincangan**

Analisis data secara kaedah kualitatif membuktikan bahawa penterjemahan berita tidak wajar dinilai sama ada sekadar bersifat terjemahan literal atau terjemahan bebas semata-mata. Sebaliknya, penterjemah berita dunia perlu mempertimbangkan sama ada elemen-elemen pemberitaan seperti faktor 5W1H, nilai berita dan struktur piramid terbalik masih dikekalkan dalam teks terjemahan. Sekiranya penterjemah tidak mempunyai asas dalam penulisan media, wujud kemungkinan bahawa hasil terjemahan berita dunia berkenaan tidak akan diterbitkan. Pemakalah berpendapat bahawa faktor rata-rata berita dunia disunting dan diterjemahkan oleh wartawan, iaitu individu yang mempunyai asas dalam bidang media menyebabkan elemen-elemen pemberitaan masih dikekalkan dalam teks terjemahan berita dunia.

Analisis tekstual menerusi perbandingan teks juga dilakukan pemakalah bagi menganalisis prosedur terjemahan berita dunia dalam akhbar *Berita Harian*. Walau bagaimanapun, analisis data kajian ini tidak boleh dianggap secara holistik kerana data kajian yang terhad dan tidak mewakili kategori berita yang lain seperti berita rencana, berita nasional, berita hiburan, berita ekonomi, dan sebagainya. Dapatan kajian membuktikan bahawa penterjemah masih setia dengan ayat-ayat dalam teks sumber, terutama sekali ayat-ayat yang membawa maklumat 5W1H, nilai berita dan penulisan petikan langsung. Ayat-ayat yang berada di perenggan-perenggan akhir lazimnya digugurkan menerusi aplikasi prosedur pengguguran atau dirumuskan menerusi aplikasi prosedur parafrasa. Tindakan berkenaan bertepatan dengan struktur penulisan piramid songsang, iaitu maklumat yang tidak penting akan dikemudiankan dalam penulisan berita. Perubahan-perubahan seperti perubahan masa, tempat, sistem mata wang dan penulisan petikan tak langsung berlaku apabila wujud perubahan dari segi golongan pembaca sasaran.

Pemakalah berpandangan bahawa istilah terjemahan masih relevan digunakan dalam penghasilan berita dunia. Walaupun rombakan dari segi bentuk dan kandungan berlaku, sekiranya sesuatu berita sasaran dihasilkan menerusi terjemahan bahan-bahan berita sumber yang ditulis dalam bahasa asing, maka ia merupakan satu kerja-kerja terjemahan. Tambahan pula, tidak ada sarjana bidang terjemahan yang menghujahkan dari segi statistik tentang bilangan perkataan, ayat atau makna yang perlu diterjemahkan sebagai kayu ukur untuk melabel sesuatu naskhah sebagai hasil terjemahan. Di samping itu, pola kaedah

terjemahan juga terbahagi pada dua arah yang agak ekstrem, iaitu kaedah terjemahan harafiah atau kaedah adaptasi yang memungkinkan penterjemah memilih kaedah terjemahan yang difikirkan memadai untuk menterjemah berita dunia. Perlu juga ditekankan bahawa pemakalah tidak mempertikaikan peranan penyuntingan dalam berita, sebaliknya makalah ini cuba untuk mengetengahkan kepentingan terjemahan dalam penulisan berita dunia. Kajian terdahulu oleh Rokiah (2000) dan Abdul Majeed (2002) juga menunjukkan wujud perkaitan dan persamaan antara prosedur terjemahan dan juga falsafah penyuntingan berita. Rumusnya, analisis data membuktikan bahawa konsep piramid terbalik serta nilai berita mempunyai saling perkaitan dengan prosedur penterjemahan berita dunia. Penterjemah menggunakan prosedur penambahan, pengguguran dan parafrasa bagi mengekalkan konsep piramid terbalik dan nilai berita dalam berita sasaran. Selain itu, faktor bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu juga mempengaruhi aplikasi prosedur terjemahan. Penterjemah cenderung meminjam istilah yang tiada padanan dalam bahasa Melayu serta mengaplikasikan prosedur naturalisasi bagi menyesuaikan istilah bahasa Inggeris dengan sebutan dan ejaan dalam bahasa Melayu.

### **Cadangan Pemurnian Naskah Terjemahan Berita Dunia**

Terdapat beberapa perkara yang boleh dipertimbangkan dalam usaha pemurnian naskah terjemahan berita dunia. Pertama, komponen terjemahan perlu dititikberatkan dalam konteks penerbitan berita dunia. Pemakalah kurang bersetuju dengan isu yang digariskan oleh Vourinen (1997), iaitu terjemahan sekadar merupakan sebahagian daripada proses penyuntingan. Realitinya terjemahan wajar dianggap sebagai satu proses komunikasi yang melibatkan pemindahan makna menerusi medium bahasa selaku perantara (Ainon dan Abdullah 2010). Oleh itu, wartawan berita dunia seharusnya mendalami bidang terjemahan daripada aspek teori, kaedah dan prosedur terjemahan. Inisiatif berkenaan perlu diambil dalam usaha penghasilan berita terjemahan yang berkualiti.

Selain kepentingan untuk mempelajari teori dan teknik terjemahan, wartawan juga wajar peka terhadap isu-isu bahasa dan tatabahasa. Seperka yang perlu diketengahkan, teks berita dunia tidak bersifat kreatif seperti penulisan iklan dan majalah. Oleh itu, pelanggaran bahasa atau kesalahan tatabahasa perlu dikurangkan semaksimum mungkin. Perlu juga dipertimbangkan bahawa meja berita dunia memberikan akses kepada pelbagai perkataan-perkataan asing, di

samping wujud kemungkinan akan kemunculan istilah-istilah baharu yang tiada padanan di Malaysia. Situasi berkenaan membawa implikasi akan kepentingan untuk mendedahkan wartawan akhbar dengan pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu serta kaedah-kaedah penterjemahan istilah. Disarankan agar pihak pentadbiran syarikat akhbar mempertimbangkan untuk menghantar para wartawan bagi mendalami pelbagai kursus bahasa Melayu yang dianjurkan oleh pihak kerajaan menerusi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), atau menghadiri bengkel-bengkel terjemahan dan pemantapan bahasa yang dianjurkan oleh pihak-pihak berkenaan, misalnya Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

## **Kesimpulan**

Hasil analisis data jelas membuktikan bahawa penterjemahan berita dunia bukan satu tugas yang mudah. Penterjemah berita dunia perlu menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Melayu agar tidak menghasilkan terjemahan yang salah. Penterjemah berita juga harus mempunyai pengetahuan budaya dan gaya penerbitan sesebuah agensi berita bagi memudahkan proses penterjemahan. Di samping itu, pemakalah juga ingin menekankan kepentingan bahasa Melayu dalam penterjemahan teks berita. Hal ini disebabkan teks berita terdiri daripada binaan kata dan ayat yang seterusnya membina satu sistem bahasa. Justeru terjemahan berita dalam bahasa Melayu yang baik sistem dan binaan bahasanya pasti memudahkan pemahaman pembaca sasaran. Situasi ini mewajarkan penterjemah untuk mempertimbangkan aspek bahasa Melayu sewaktu penghasilan berita dunia, di samping usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam medium penterjemahan berita dunia.

\*\*\*\*\*

## **Bibliografi**

- Abdul Majeed Ahmad. (2002). "Terjemahan Berita Sukan Golf dalam 'Berita Harian' Malaysia." Tesis Sarjana Sastera (Tidak Diterbitkan), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. (2010). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Publication.

- Asmah Hj. Omar. (1987). *Bahasa Laporan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bielsa, Esperança dan Bassnett, Susan. (2009). *Translation in Global News*. London: Routledge.
- De Maeseneer, Paul. (1986). *Inilah Berita. Manual Berita Radio*. Penterjemah: Mohd Safar Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanmani Sinniah. (2007). "Penterjemahan Berita di Televisyen: Kaedah dan Peranan Penterjemah." Tesis Sarjana Sastera (Tidak Diterbitkan), Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Lee Bee Yeow. (2011). "Terjemahan Bahasa Inggeris kepada Bahasa Mandarin tentang Wanita dalam Berita Bernama: Satu Kajian Kepadanan Leksikal, Pengaruh Konvensi Pemberitaan dan Mesej (Makna)." Tesis Sarjana Sastera (Tidak Diterbitkan), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
- Mohd Safar Hasim. (1991). *Pengaliran Berita Antarabangsa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noor Bathi Badarudin. (2002). *Dunia Media Moden*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. New York: Prentice Hall.
- Nord, Christiane. (1997). *Translating as a Purposeful Activity: Functionalist Approaches Explained*. Manchester: St. Jerome Publishing.
- Rich, Carole. (1997). *Writing and Reporting News*. Edisi Kedua. Belmont: Wadsworth Publications.
- Rokiah Awang. (2000). "The Translation Of English News Into Malay In The Malay Newspaper Of Malaysia." Tesis Doktor Falsafah (Tidak Diterbitkan), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Stovall, James. G. (2005). *Journalism: Who, What, When, Where, Why and How*. Boston: Pearson.
- Stovall, James. G. (2012). *Writing for the Mass Media*. Boston: Pearson.
- Vourinen, Erkkka. (1997). "News Translation as Gatekeeping." Dalam *Translation as Intercultural Communication*. Penyunting: Snell-Hornby, M., Jettmarová, Z. & Kaindl, K., 161-171. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.




## **Rujukan Elektronik**

Gambier, Yves. 2006. "Transformations in International News". Diakses pada 1 Mac 2012, dari laman sesawang [http://humanities.ufs.ac.za/dl/userfiles/Documents/00001/931\\_eng.pdf](http://humanities.ufs.ac.za/dl/userfiles/Documents/00001/931_eng.pdf)


## **LAMPIRAN**

\***Jadual** : Senarai Tajuk Berita Dunia

Senarai Rajah/ Jadual



**Rajah 1:** Struktur penulisan piramid Terbalik.  
Diubah suai daripada Stovall (2012).



Rajah 2: Gabungan pendekatan Newmark (1988) dan Stovall (2005, 2012).

<b>*Jadual : Senarai Tajuk Berita Dunia</b>		
<b>Bil</b>	<b>Tajuk Berita Sumber</b>	<b>Tajuk Berita Sasaran</b>
1	<p><i>Pakistan imam held in blasphemy girl case</i></p> <p><a href="http://gulfnews.com/news/world/pakistan/pakistan-imam-held-in-blasphemy-girl-case-1.1069101">http://gulfnews.com/news/world/pakistan/pakistan-imam-held-in-blasphemy-girl-case-1.1069101</a></p>	<p>Imam ditahan tambah bukti</p> <p><a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Imamditan_tambahbukti/Article">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Imamditan_tambahbukti/Article</a></p>
2	<p><i>Myanmar monks back president's anti-Rohingya plan</i></p> <p><a href="http://www.google.com/hostednews/ap/article/ALeqM5jHt96hpOJx3iamtivB0HDmtpjOZQ?docId=adc3400d2429441c8a7b00991d254cdf">http://www.google.com/hostednews/ap/article/ALeqM5jHt96hpOJx3iamtivB0HDmtpjOZQ?docId=adc3400d2429441c8a7b00991d254cdf</a></p>	<p>Hantar Rohingya ke negara lain</p> <p><a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/HantarRohingyakenegaralain/Article/index.html">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/HantarRohingyakenegaralain/Article/index.html</a></p>

3	<p><i>Clinton to urge ASEAN unity on South China Sea</i></p> <p><a href="http://www.google.com/hostednews/ap/article/ALeqM5geZD00IQXTYeGvhH1JqIPvWG6Eiw?docId=6486bc36ec9b45ecbd63dfed7b287a5a">http://www.google.com/hostednews/ap/article/ALeqM5geZD00IQXTYeGvhH1JqIPvWG6Eiw?docId=6486bc36ec9b45ecbd63dfed7b287a5a</a></p>	<p>Hillary sokong ASEAN</p> <p><a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/HillarysokongASEAN/Article">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/HillarysokongASEAN/Article</a></p>
4	<p><i>30 dead as Kurdish rebels clash with Turkish forces</i></p> <p><a href="http://www.dailytimes.com.pk/default.asp?page=2012%5C09%5C04%5Cstory_4-9-2012_pg4_1">http://www.dailytimes.com.pk/default.asp?page=2012%5C09%5C04%5Cstory_4-9-2012_pg4_1</a></p>	<p>30 maut serangan pemisah Kurdis</p> <p><a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/30mautseranganpemisahKurdis/Article/index_html">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/30mautseranganpemisahKurdis/Article/index_html</a></p>
5	<p><i>Syria air raid kills 18, Gulf states slam Damascus</i></p> <p><a href="http://www.thejakartaglobe.com/afp/syria-air-raid-kills-18-gulf-states-slam-damascus/542014">http://www.thejakartaglobe.com/afp/syria-air-raid-kills-18-gulf-states-slam-damascus/542014</a></p>	<p>18 terkorban pesawat tempur Syria bom bangunan</p> <p><a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/18terkorbanpesawattempurSyriabombangunan/Article/index_html">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/18terkorbanpesawattempurSyriabombangunan/Article/index_html</a></p>
6	<p><i>Hezbollah chief says group has no chemical weapons</i></p> <p><a href="http://www.google.com/hostednews/ap/article/ALeqM5ikqrKyjl7z711F_6J16E9p8HPZ4w?docId=ca2f6261536b482997ec068938ba4370">http://www.google.com/hostednews/ap/article/ALeqM5ikqrKyjl7z711F_6J16E9p8HPZ4w?docId=ca2f6261536b482997ec068938ba4370</a></p>	<p>'Hizbullah boleh serang'</p> <p><a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Hizbullahbolehsenang/Article">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Hizbullahbolehsenang/Article</a></p>
7	<p><i>China gives Cambodia aid and thanks for ASEAN help</i></p> <p><a href="http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2012/9/4/worldupdates/2012-09-04T080956Z_1_BRE88306U_RTROPTT_0_UK-CAMBODIA-CHINA&amp;sec=Worldupdates">http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2012/9/4/worldupdates/2012-09-04T080956Z_1_BRE88306U_RTROPTT_0_UK-CAMBODIA-CHINA&amp;sec=Worldupdates</a></p>	<p>Kemboja, ASEAN untung jadi rakan China</p> <p><a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kemboja_ASEANuntungjadiRakanChina/Article/index_html">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kemboja_ASEANuntungjadiRakanChina/Article/index_html</a></p>
8	<p><i>Ling Gu Death: Sex Games In Ferrari Crash Lead To New Chinese Political Scandal</i></p>	<p>Seks dalam kereta mewah</p>

	<a href="http://www.huffingtonpost.com/2012/09/04/ling-gu-death-sex-games-ferrari-crash_n_1853698.html">http://www.huffingtonpost.com/2012/09/04/ling-gu-death-sex-games-ferrari-crash_n_1853698.html</a>	<a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Seksdalamkeretamewah/Article/index_html">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Seksdalamkeretamewah/Article/index_html</a>
9	<i>Michelle Obama says change takes time, urges four more years</i>  <a href="http://in.reuters.com/article/2012/09/05/usa-campaign_idINL2E8K471520120905">http://in.reuters.com/article/2012/09/05/usa-campaign_idINL2E8K471520120905</a>	Perubahan ambil masa  <a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Perubahanambilmasa/Article">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Perubahanambilmasa/Article</a>
10	<i>Clinton tells America Obama needs four more years</i>  <a href="http://www.google.com/hostednews/afp/article/ALeqM5jSdN1R7NinSUUVcxB2BIK3Q5Zkw?docId=CNG.229e1ed397ce2fca388f424f0c2cc3ea.321">http://www.google.com/hostednews/afp/article/ALeqM5jSdN1R7NinSUUVcxB2BIK3Q5Zkw?docId=CNG.229e1ed397ce2fca388f424f0c2cc3ea.321</a>	'Obama boleh dipercayai'  <a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Obamabolehpercayaan_/Article">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Obamabolehpercayaan_/Article</a>
11	<i>France enthralled by first lady's battle with Hollande ex</i>  <a href="http://www.google.com/hostednews/afp/article/ALeqM5jTss78WNSjM99-I2gaXIVo8qeAA?docId=CNG.e9dcb6d88378f8d5b28bdc2593d5e39f.701">http://www.google.com/hostednews/afp/article/ALeqM5jTss78WNSjM99-I2gaXIVo8qeAA?docId=CNG.e9dcb6d88378f8d5b28bdc2593d5e39f.701</a>	Kisah cinta Hollande jadi tumpuan  <a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KisahcintaHollandejaditumpuan/Article/index_html">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KisahcintaHollandejaditumpuan/Article/index_html</a>
12	<i>Indonesia terror suspects in plot on parliament</i>  <a href="http://www.google.com/hostednews/afp/article/ALeqM5iBwJVAnrEMOOp-A9-lqOwvFYtmw?docId=CNG.ed18aee1f8d766ca66096e5c8b6c1e1a.5e1">http://www.google.com/hostednews/afp/article/ALeqM5iBwJVAnrEMOOp-A9-lqOwvFYtmw?docId=CNG.ed18aee1f8d766ca66096e5c8b6c1e1a.5e1</a>	Militan Indonesia sasar parlimen  <a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/MilitanIndonesiasasarparlimen/Article/index_html">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/MilitanIndonesiasasarparlimen/Article/index_html</a>
13	<i>Trio of Hollywood starlets take stage for Obama</i>	3 aktris hangatkan konvensyen Demokrat

	<a href="http://www.nation.co.ke/News/world/Trio+of+Hollywood+starlets+take+stage+for+Obama+/-/1068/1498580/-/kunr9x/-/index.html">http://www.nation.co.ke/News/world/Trio+of+Hollywood+starlets+take+stage+for+Obama+/-/1068/1498580/-/kunr9x/-/index.html</a>	<a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/3aktreshangatkankonvensyenDemokrat/Article/index_html">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/3aktreshangatkankonvensyenDemokrat/Article/index_html</a>
14	<p><i>Tweets of false shootouts cause panic in Mexico</i></p> <p><a href="http://www.google.com/hostednews/ap/article/ALeqM5jQ7wumQXOxNVePnFules1VML8S7A?docId=6815b28378c14faa85d8afa1b0717f18">http://www.google.com/hostednews/ap/article/ALeqM5jQ7wumQXOxNVePnFules1VML8S7A?docId=6815b28378c14faa85d8afa1b0717f18</a></p>	<p>Mexico panik Twitter sebar cerita palsu</p> <p><a href="http://www.bharian.com.my/bharian/articles/MexicopanikTwittersebarceritapalsu/Article/">http://www.bharian.com.my/bharian/articles/MexicopanikTwittersebarceritapalsu/Article/</a></p>